

Meneroka Strategi Penyelesaian Masalah dan Daya Tahan Mahasiswa yang Mengalami Pengalaman Trauma Penderaan Emosi
(Explore Problem Solving Strategy and Resilience among the University Student experience Emotional Abuse Trauma)

NURUL AMIRA HASNI KHADIJAH ALAVI*, SURENDRAN RAJARATNAM & SITI ZULAIKHA AZLAN

ABSTRACT

Peningkatan penderaan emosi dalam kalangan mahasiswa disebabkan oleh institusi keluarga disfungsi, isu kewangan, tekanan kehidupan harian dan pengetahuan ilmu agama yang kurang. Kajian mengenai penderaan emosi dalam kalangan mahasiswa sangat kurang dan ia merupakan satu isu yang sangat serius yang memerlukan strategi bagi membendung isu kemurungan remaja. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka strategi penyelesaian masalah dan daya tahan dalam kalangan mahasiswa yang mengalami sejarah pengalaman penderaan emosi. Kajian yang dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual mendalam separa berstruktur dengan mengaplikasikan pendekatan fenomenologi dan data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik dan transkrip data. Enam orang informan telah dipilih iaitu merupakan mahasiswa IPTA terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti informan pernah melalui fasa kehidupan keluarga yang sukar, beban hutang dan perpindahan tempat tinggal kerana ekonomi keluarga tidak stabil. Antara strategi penyelesaian masalah ialah meluangkan masa dengan rakan sebaya, mengalihkan aktiviti kepada hiburan dan hobi. Strategi daya tahan yang dipraktikkan oleh mahasiswa melalui sokongan mental (berfikiran positif, motivasi dan bimbingan daripada kaunselor). Justeru implikasi kajian membina program daya tahan bagi meningkatkan kefungsi dan psikososial klien yang mempunyai pelbagai keperluan kompleks terutama bagi kalangan mahasiswa dalam komuniti.

Kata kunci: Strategi Penyelesaian Masalah, Daya Tahan, Penderaan Emosi, Mahasiswa

ABSTRAK

This increase in emotional abuse among university students is caused by dysfunctional family institutions, financial issues, daily life stress and a lack of knowledge about religion. Research on emotional abuse among students lacks greatly and it is a very serious issue that requires strategies to curb the issue of adolescent depression. Therefore, this study was carried out to explore problem-solving strategies and resilience among students who experienced emotional abuse. The study was conducted using a qualitative method, which is a semi-structured in-depth interview by applying a phenomenological approach and the data obtained was analysed using thematic analysis and data transcription. Six informants have been selected who are selected IPTA students. The results of the study found that the majority of the informants had gone through a difficult phase of family life, debt burden and relocation due to family economic instability. Among the problem-solving strategies are spending time with peers, diverting activities to entertainment and hobbies. Among the problem-solving strategies are spending time with peers and diverting activities to entertainment and hobbies. Resilience strategies are practiced by students through mental support (positive thinking, motivation and guidance from counselors). Thus, the implication of the study is to build a resilience programme to improve the functionality and psychosocial well-being of clients who have various complex needs, especially students in the community.

Keywords: Problem Solving Strategies, Resilience, Emotional Abuse, University Students

Penderaan emosi yang disebut sebagai penderaan dari aspek psikologi adalah antara jenis penderaan yang kerap terjadi dalam hubungan interpersonal (Chen et al., 2017). Penderaan yang dialami oleh mahasiswa akan membawa kepada pengalaman trauma jangka masa panjang yang boleh mendedahkan kepada risiko dan boleh dikatakan sebagai ancaman yang memberi kemudaratan dalam sejarah pertumbuhan mahasiswa dari aspek emosi mahupun fizikal (Mohd Zamre & Nik Ahmad 2022; Haider & Asher 2016). Selain itu, tindak balas mahasiswa terhadap situasi tersebut kebarangkalian meninggalkan kesan jangka masa panjang terhadap kefungsi sosial dan kesejahteraan mereka. Penderaan emosi yang telah ditakrifkan bahawa pengalaman mahasiswa yang pernah mengalami kurang kasih sayang, kurang sokongan keluarga, dikritik, mengugut, merendahkan rasa sendiri, mencaci-maki, memalukan kanak-kanak dengan panggilan nama yang menghina semasa mereka dalam fasa kanak-kanak. Penderaan emosi menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat (Akta Kanak-kanak 2001).

Kajian yang tertumpu penderaan emosi dan kecederaan emosi semasa pengalaman tumbesaran mahasiswa didapati kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan di negara kita. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan lebih tertumpu kepada mahasiswa kerana perancangan pengukuhan emosi semasa dewasa. Hal ini demikian kerana kajian lepas kebanyakannya memfokuskan kepada guru seperti kajian (Mohd Salmi et al., 2015) yang berkaitan daya tahan dalam kalangan guru alaf 21 di Gombak, Selangor. Selain itu, hasil pembacaan pengkaji juga mendapati bahawa kajian lepas yang dilakukan oleh Zaiton dan Balan (2014) menggunakan kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif untuk memperoleh data yang lebih terperinci mengenai daya tahan mahasiswa yang mengalami penderaan emosi. Kajian yang dijalankan di Malaysia memberi fokus kepada penderaan kanak-kanak secara umum seperti kajian peranan pekerja sosial di sekolah dalam memahami dan menangani penderaan kanak-kanak (Alavi et al., 2012) dan cabaran pengurusan kes penderaan kanak-kanak di Taska (Nanthini & Khadijah 2021). Namun, pengkaji menjalankan kajian khusus pengalaman trauma penderaan emosi yang dialami oleh mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penderaan emosi seseorang mahasiswa yang pernah mengalami sejarah kecederaan dari segi emosi menyebabkan gangguan ditampikan pada fungsi kesejahteraan kesihatan mental atau emosi seperti kecelaruan tingkah laku, kegelisahan, kemurungan, menyendiri, kesunyian dan pertumbuhan kematangan diri yang lambat (Akta Kanak-Kanak 2001; Mohamad & Rathnakrishnan 2014). Penderaan emosi mempunyai hubungkait yang positif dan boleh berlaku disebabkan oleh kesan yang didapati daripada penderaan-penderaan jenis lain. Kesan jangka masa panjang daripada penderaan emosi yang berlaku akan dialami oleh kanak-kanak terutama apabila mereka membesar kelak (Salleh et al. 2018; Ismail 2015). Keadaan penderaan boleh menyebabkan mahasiswa terpaksa mengalami pelbagai simptom negatif seperti kemurungan, perubahan sikap kepada pasif dan lebih serius mereka boleh terlibat dengan masalah sosial, masalah pembelajaran, ponteng sekolah dan sebagainya. Trauma penderaan mahasiswa mempunyai impak besar dalam proses perubahan ke alam dewasa kerana perkara ini merupakan faktor utama morbiditi pertumbuhan dalam pengkhususan kesihatan dan ketidakupayaan fizikal, kesihatan emosi dan perkembangan kesihatan mental (Arifah & Mohd Nasir, 2022; Vidourek 2017).

Mahasiswa yang mengalami penderaan emosi mempunyai banyak masalah kesihatan mental sehingga mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri, mencederakan diri, kebimbangan dan lain-lain (Arslan 2016). Waktu belajar merupakan masa yang amat penting bagi perkembangan seseorang individu iaitu merupakan tempoh peralihan antara zaman remaja dan orang dewasa dalam sesuatu persekitaran budaya tertentu. Mahasiswa yang pernah mengalami penderaan emosi sewaktu kanak-kanak semestinya mempunyai strategi penyelesaian masalah dan daya tahan yang tersendiri untuk membuatkan mereka mampu menghindari elemen yang boleh menghalang penerimaan kegagalan. Mahasiswa datang dari latar belakang yang pelbagai. Namun, terdapat ciri-ciri tertentu atau karakteristik yang mempengaruhi seseorang individu yang terlibat dalam penderaan emosi (Mason & Singh 2010). Pengalaman trauma bukan sahaja tertumpu kepada penderaan fizikal, malah penderaan emosi, pengabaian fizikal, pengabaian emosi, dan penderaan seksual juga akan meninggalkan impak buruk di mana keyakinan diri seseorang kanak-kanak menjadi rendah apabila mereka dewasa kelak (Arifah & Mohd Nasir 2022).

(Rich et al., 1997); (Frederico et al., 2008) dan (Rosales et al., 2021) telah menjalankan kajian mengenai penderaan emosi kanak-kanak dan psikopatologi

berkaitan dalam mahasiswa. Hasil kajian mendapati bahawa penderaan emosi pada zaman kanak-kanak, walaupun tanpa jenis penderaan lain, mempunyai kaitan yang ketara dengan akibat negatif jangka panjang bagi mahasiswa ini. Mereka yang terselamat daripada penderaan emosi kanak-kanak adalah sangat tertekan berbanding subjek yang melaporkan tiada penderaan kanak-kanak. Selain itu, mangsa yang terselamat mengalami gejala psikopatologi yang lebih umum daripada mereka yang tidak melaporkan penderaan kanak-kanak (Yusri & Selamat 2022).

Keadaan krisis mahasiswa pada masa ini ialah bagaimana seseorang yang pernah mengalami penderaan emosi ialah itu mampu menyelesaikan masalah sosial dan berdaya tahan dalam mengharungi cabaran dalam kehidupan harian mereka. Antara punca masalah yang sering berlaku dalam kalangan mahasiswa ialah interaksi interpersonal yang negatif, pasangan dalam perhubungan romantis, tekanan rakan sabaya, persekitaran hedonik, gaya hidup dan sebagainya (Rich et al., 1997). Punca-punca ini boleh menjadi satu tekanan kepada mahasiswa dan semestinya perlu mencari strategi penyelesaian masalah yang lebih baik. Menurut (Lazarus dan Folkman, 1987) menyatakan apabila mahasiswa berasa terancam dan tercabar untuk berhadapan dengan mereka, mahasiswa ini akan mencuba pelbagai strategi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi tanpa menyedari sama ada ianya negatif atau positif. Individu memberikan reaksi yang berbeza dalam menangani tekanan atau masalah yang dihadapi, justeru sejak kebelakangan ini ramai pakar lebih menitikberatkan strategi menangani masalah (coping behaviour) daripada memberi perhatian kepada kesan masalah tersebut seperti kekerapan tekanan. Keupayaan seseorang pelajar untuk mengatasi masalah yang dihadapi adalah berkait rapat dengan tahap kemandirian yang dimiliki oleh pelajar tersebut.

Strategi penyelesaian masalah merujuk kepada suatu mekanisme mahasiswa untuk menangani pengalaman trauma penderaan emosi, cabaran atau yang dihadapi dengan cara yang lebih positif, pengambilan keputusan yang tepat, berkesan dan mampu mengubah hidup seseorang individu. (Rahayu dan Adriyahsyah, 2014) mendapati bahawa hubungan antara sikap berdikari dan gaya belajar dengan strategi penyelesaian masalah mahasiswa dikaji dari segi gender. Sebanyak 90 orang mahasiswa program pengajian psikologi telah dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan perbezaan ketara penyelesaian masalah dengan empati dan komunikasi interpersonal dengan kualiti hidup mahasiswa. Kajian oleh (Gok, 2010) telah menjalankan kajian untuk mengkaji kesan

pengajaran strategi penyelesaian masalah terhadap pencapaian fizik, tahap strategi, sikap dan motivasi pencapaian pelajar. Prosedur eksperimen telah dijalankan ke atas pelajar gred sepuluh di Turki. Hasil kajian menunjukkan purata pencapaian kumpulan eksperimen, motivasi, tahap strategi dan sikap didapati lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Selain itu, jantina tidak mempengaruhi pencapaian fizik pelajar dan dapat disimpulkan bahawa strategi penyelesaian masalah adalah lebih berkesan dalam pembelajaran koperatif berbanding pengajaran konvensional.

Daya tahan sepatutnya menjadi asas dalam diri mahasiswa melibatkan kemampuan mereka menangani trauma pengalaman penderaan emosi yang mengganggu proses mereka membesar (Othman 2017; Ibrahim & Hussin 2016). Seterusnya, untuk membangunkan modal insan negara, mahasiswa perlu mempunyai sikap cekal dan berdaya saing untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan. Ini adalah komponen penting dalam mendepani sesuatu situasi, terutamanya ketika menghadapi kesukaran hidup. Menerusi aspek pengurusan, ia memperkatakan tentang kebolehsuaian pelajar dalam menguruskan setiap masalah yang muncul dalam perancangan tugas (Osman et al., 2015). Menurut Irmohizam dan (Muhammad, 2016) untuk menangani masalah daya tahan pelajar dalam pengurusan aktiviti di IPTA, kriteria yang diperlukan mesti disemai dalam diri para pelajar di IPTA. Dalam konteks ini, daya tahan seseorang merujuk kepada bagaimana keadaan seseorang itu setelah dia melalui kesusahan dan mengharungi pelbagai cabaran dengan yakin agar lebih produktif dalam kehidupan, kebolehan dan daya tahan. Individu yang berdaya tahan dilabel memiliki ciri hubungan positif, cekap menyelesaikan sesuatu masalah dan sentiasa bermotivasi ke arah penambahbaikan diri (Herrman et al., 2011).

Penderaan emosi dalam kalangan mahasiswa sangat kurang dikaji secara khusus dalam kajian lepas serta isu ini memberi impak kesihatan mental dan fizikal kepada mahasiswa yang sangat serius. Penderaan emosi boleh berlaku dalam pelbagai konteks, termasuk dalam tetapan pendidikan tinggi, kajian yang secara khusus memfokuskan penderaan emosi di kalangan mahasiswa masih terhad. Walaupun penderaan jenis ini sukar untuk dibuktikan secara saintifik, namun secara umumnya ia boleh terjadi apabila pengalaman trauma penderaan emosi tidak tuntas. Ini menyebabkan mereka akan mengalami kritikan yang berterusan, ugutan, penyisihan serta kekurangan kasih sayang, sokongan atau bimbingan (Kementerian Kesihatan Malaysia 2012 & UNICEF 2014). Penderaan emosi juga mempunyai hubungkait yang rapat dan boleh terjadi akibat kesan daripada jenis penderaan-penderaan lain. Kajian

mengenai trauma penderaan emosi, terutamanya dalam kalangan mahasiswa masih terhad dan adalah penting untuk menyedari bahawa isu ini adalah masalah serius yang memerlukan kajian terperinci bagi menyediakan modal insan negara yang produktif (Wen Huey et al., 2021). Universiti dan institusi pendidikan perlu menyedari kepentingan memahami trauma penderaan emosi bagi mengawal kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa dan menyediakan sokongan serta sumber bantuan yang diperlukan kepada mahasiswa yang mengalami pengalaman trauma tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini secara umumnya untuk memahami pengalaman penderaan emosi dan meneroka strategi penyelesaian masalah serta mengkaji daya tahan mahasiswa dalam menangani penderaan emosi dalam kalangan mahasiswa.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut (Patton, 2015) tujuan kajian kualitatif dijalankan adalah bagi memahami keadaan sebenar sesuatu fenomena dalam konteks yang spesifik tanpa sebarang unsur manipulasi. Pemilihan penyelidikan kualitatif sangat sesuai dengan kajian ini kerana tingkah laku manusia, mahasiswa, emosi dan ciri-ciri persekitaran sukar difahami hanya dengan data angka. Manakala, mahasiswa zaman sekarang sukar untuk meluahkan perasaan mereka, maka melalui pendekatan kualitatif membantu memahami isu pengalaman penderaan emosi dalam kalangan mahasiswa ini dapat dijalankan secara mendalam, terperinci dan terbuka.

Kajian ini juga menggunakan pendekatan fenomenologi untuk meneroka pemahaman informan kajian daripada sudut perspektif mereka. Kajian yang dijalankan berbentuk tinjauan yang bersesuaian bagi meneroka strategi penyelesaian masalah dan daya tahan mahasiswa yang mengalami penderaan emosi semasa mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Pengkaji secara langsung mendapatkan data melalui temubual bagi menjawab persoalan dan objektif kajian.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian akan tertumpu kepada mahasiswa atau mahasiswi di Universiti Kebangsaan Malaysia dan

Universiti Putra Malaysia. Institusi pengajian tinggi awam ini dipilih kerana lokasi antara dua Universiti yang strategik dan situasi ini membantu aktiviti kajian dapat dijalankan dengan lebih lancar. Universiti Kebangsaan Malaysia ialah sebuah Universiti Awam yang terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Persampelan Kajian

Pengkaji telah memilih sampel yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dalam lingkungan umur 20 tahun hingga 25 tahun yang melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Namun, informan harus menjawab ujian saringan terlebih dahulu menggunakan Emotional Abuse Questionnaire (EAQ) dan informan akan dipilih melalui keputusan ujian saringan yang telah diberikan. Seterusnya informan akan ditemu bual berdasarkan data yang diperolehi. Kajian ini dijalankan untuk melihat strategi penyelesaian masalah dan daya tahan mahasiswa yang mengalami penderaan emosi di di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Seramai 6 orang informan yang telah dikenalpasti dan berjaya ditemubual sehingga mencapai tahap tepu (saturation point). Menurut (Mwita, 2022) dan (Hennink et al., 2022) sampel kajian menggunakan kes khas atau fenomena homogeneous akan mencapai tahap tepu selepas temubual sekurang-kurangnya 5 orang informan. Ini bermakna tidak ada tema baru atau penambahan maklumat apabila pengkaji meneruskan temubual kepada informan berikutnya.

Tatacara Pengumpulan Data

Kaedah protokol temu bual iaitu temu bual mendalam separa berstruktur membenarkan pertanyaan lanjutan berdasarkan respon informan. Skop kajian juga dapat dikembangkan dan memperoleh lebih banyak tema baru bagi mendapatkan kesimpulan yang kukuh. Ini bermakna sebahagian besar temu bual adalah berlandaskan kepada senarai soalan yang dibangunkan namun senarai tersebut hanya dijadikan sebagai garis panduan kerana pengkaji fleksibel untuk bertanyakan pelbagai pandangan bersandarkan kepada tema utama iaitu pengalaman penderaan emosi. Selain itu, kaedah ini membolehkan pengkaji memberi sepenuh perhatian dan mendengar maklum balas daripada informan dengan penuh teliti di lapangan (Syafri & Yaumas, 2018).

Secara umumnya, pengkaji mendapatkan data primer dan data sekunder (grey literature review). Data primer diperolehi daripada maklumat informan manakala data sekunder diperolehi melalui bahan bacaan yang

berilmiah seperti tesis-tesis lepas, jurnal dan kertas kerja yang berkaitan. Bahan-bahan bagi data sekunder didapati melalui Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Pusat Sumber Psikologi dan Pembangunan Manusia dan laman sesawang seperti Google dan Google Scholar yang menyimpan jurnal-jurnal yang berkaitan. Hal ini penting bagi pengkaji sebelum memulakan kajian bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat dan memahami dengan lebih tepat objektif kajian yang ingin dikaji.

Analisis Data

Pengkaji melakukan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif. Analisis ini melibatkan pembacaan sekumpulan data dan seterusnya mencari pola makna untuk mendapatkan tema-tema yang ada. Cara ini merupakan kaedah analisis yang sangat berkesan dalam mengupas data yang diperolehi secara terperinci. (Holloway & Todres, 2003) menyatakan bahawa analisis tematik ini merupakan dasar atau asas penting dalam menganalisis penyelidikan kualitatif. Dalam kajian ini, data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah verbatim. Menurut (Eaton et al., 2019) transkrip verbatim adalah seni mengubah perkataan yang diucapkan ke dalam teks laporan sehingga perkataan yang disampaikan oleh informan sama seperti perkataan yang ditulis oleh pengkaji di dalam teks. Proses ini memerlukan tumpuan dan pendengaran yang tajam. Transkrip verbatim perlu memperlihatkan setiap

nada suara dan gaya bahasa yang disampaikan dengan cermat dan teliti.

Pengkaji juga menganalisis data dengan mentranskripsikan data temu bual. Ini bermaksud data yang telah ditranskripsikan dalam bentuk verbatim perlu diterjemahkan dalam bentuk teks dalam masa 24 jam setelah temu bual dijalankan. Hal ini demikian kerana, jika tempoh untuk mentranskripsikan maklumat yang diberikan oleh informan lebih pada masa 24 jam akan menyebabkan maklumat itu tidak tepat dan berkemungkinan pengkaji lupa sedikit maklumat yang disampaikan. Jika maklumat yang diperolehi oleh pengkaji tidak mencukupi, pengkaji akan menghubungi informan semula untuk mendapatkan maklumat yang kurang supaya maklumat yang diperolehi tepat dan mencukupi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengalaman Penderaan Emosi Informan

Kajian telah dilaksanakan terhadap enam orang informan dalam proses pengumpulan data. Maklumat profil informan kajian ini diperolehi daripada temu bual yang telah dijalankan. Sepanjang sesi temu bual dijalankan, beberapa etika telah dipatuhi antaranya perincian maklumat temu bual termasuk rakaman yang mengandungi suara informan telah dirahsiakan dan tidak didedahkan melainkan hanya untuk tujuan kajian.

JADUAL 1: Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Status Perkahwinan	Universiti	Tahun Pengajian
1	Lelaki	23	Melayu	Islam	Bujang	UKM	3
2	Perempuan	25	Melayu	Islam	Berkahwin	UKM	3
3	Lelaki	23	Melayu	Islam	Bujang	UPM	5
4	Lelaki	23	Melayu	Islam	Bujang	UKM	3
5	Perempuan	22	Melayu	Islam	Bujang	UPM	3
6	Lelaki	24	Melayu	Islam	Bujang	UPM	2

Berdasarkan Jadual 1, mendapati bahawa terdapat 6 orang informan yang telah ditemu bual. Informan berumur 23 tahun sehingga 25 tahun dan merupakan mahasiswa daripada Universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Kesemua informan juga berbangsa Melayu dan beragama Islam. Rata-rata informan merupakan pelajar tahun tiga manakala informan 3 merupakan pelajar tahun lima dan informan 6 merupakan pelajar

tahun dua. Informan 1 merupakan seorang lelaki berumur 23 tahun yang berstatus bujang. Beliau menuntut di UKM dan mengalami penderaan emosi sewaktu kecil ekoran daripada sering diejek kerana mempunyai perbezaan warna kulit berbanding dengan rakan yang lain. Bagi informan 2 pula, beliau merupakan seorang perempuan yang berstatus sudah berkahwin, menuntut di UKM dan masih belum dikurniakan cahaya mata. Beliau mengalami penderaan

emosi kerana perbalahan ibu bapa yang teruk ketika berumur 7 hingga 8 tahun sehingga menyebabkan ibu beliau mengalami kecederaan ringan di badan. Informan 3 pula merupakan seorang lelaki bujang dan sedang menuntut pengajian di UPM. Beliau mengalami penderaan emosi kerana ditinggalkan oleh kekasih yang hampir ingin bertunang dengannya.

Bagi informan 4 pula, beliau merupakan seorang lelaki berstatus bujang dan sedang menuntut pengajiannya dia UKM. Beliau merupakan pelajar tahun 3 dan mengalami penderaan emosi disebabkan tekanan disekelilingnya yang banyak mempengaruhi emosi beliau hingga hari ini. Informan 5 dan 6 pula merupakan mahasiswa yang menuntut di UPM dan berstatus bujang. Informan 5 merupakan pelajar tahun 3 manakala informan 6 merupakan pelajar tahun 2. Kedua-dua mereka mengalami penderaan emosi kerana mempunyai masalah keluarga dari sejak kecil sehingga mengakibatkan berlakunya pengabaian dalam kehidupan harian mereka.

Strategi penyelesaian masalah

Penyelesaian masalah adalah satu seni kerana sesuatu pendekatan tidak semestinya sesuai diaplikasi untuk semua dalam menyelesaikan masalah. Setiap masalah mempunyai kerumitan yang berbeza, oleh itu penting untuk menggunakan pendekatan yang sesuai dan fleksibel. Menurut (Thombs et al., 2007) dan (Trickett et al., 2011) menyatakan bahawa kurangnya pemahaman pelajar tentang strategi penyelesaian masalah menyebabkan kecenderungan untuk menolak peristiwa sebenar. Menilai kesan penyelesaian adalah langkah penting dalam proses penyelesaian masalah. Penilaian membantu mahasiswa untuk mengetahui sejauh mana penyelesaian yang dilakukan berjaya atau tidak dan untuk memperoleh pengajaran berharga untuk masalah yang sama pada masa hadapan. Analisis tematik menunjukkan bahawa terdapat beberapa strategi penyelesaian masalah yang diaplikasikan dalam kalangan informan melalui pengalaman penderaan emosi iaitu menjauh, tidak memikirkan tentang masalah, sokongan dan bimbingan, mengelak, meluangkan masa dan mengetahui punca atau faktor sebenar sesuatu masalah yang dihadapi pada masa kini.

Strategi Menjauh

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan bersama informan, pengkaji mendapati bahawa strategi penyelesaian masalah bagi setiap informan adalah berbeza-beza. Antaranya ialah informan lebih memilih untuk menjauh daripada penderaan emosi yang dialami.

“Saya akan menjauhkan diri saya daripada punca penderaan emosi tu supaya saya tidak lagi berfikir berkenaan perkara tersebut jadi saya akan tidak berfikir lah untuk menjaga saya punya kesihatan emosi”

(Informan 1)

“Keluar dari rumah sejauhnyanya. I didn't get married to be far away from my family. As a matter of fact, I was afraid my life would be like them. I got married bcs i believe I can be better.”

(Informan 2)

Namun, strategi menjauh merupakan satu penyelesaian yang bukan kekal sebaliknya percubaan untuk mendapatkan jarak dan perspektif baharu tentang masalah yang dihadapi. Menjauhkan diri seketika boleh membantu mahasiswa menangani emosi yang mungkin mengganggu keupayaan mahasiswa untuk berfikir dengan jelas dan mencari penyelesaian.

Tidak Memikirkan tentang Masalah yang dihadapi

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa selain menjauh, tidak memikirkan tentang masalah yang dihadapi juga antara strategi penyelesaian masalah informan. Ini dibuktikan melalui temubual bersama informan 1, 3, 5 dan 6.

“Saya akan tidak berfikir berkenaan dengan punca penderaan emosi tu dan macam saya cakap tadi saya akan menjauhkan diri daripada perkara tersebut.”

(Informan 1)

“Mengalihkan tumpuan daripada terus memikirkan masalah yang menimpa.”

(Informan 3)

“Dia la yang selalu cakap kat saya, hal orang dewasa kita jangan terlalu fikirkan. Kalau saya fikirkan sangat pun, diorang dah pun bercerai so apa yang saya nak fikirkan lagi?”

(Informan 5)

“Kita tidak boleh mengubah orang lain. Jadi saya tidak ambil peduli dengan apa yang diperkatakan. Saya tidak mendengar dengan baik dan berfikir tentang perkara lain.”

(Informan 6)

Strategi Mengelak

Seterusnya, kedua-dua informan turut menjelaskan bahawa mengelak merupakan salah satu jalan terbaik yang boleh mereka lakukan daripada menahan diri daripada penderaan emosi yang dialami. Antara sebab mengelak dijelaskan oleh informan 2 dan juga informan 3 melalui sesi temu bual.

“Kurangkan bertanya khabar, avoid pulang ke hometown. saya masih menghubungi keluarga (mak ayah) tapi jarang sekali. sekadar bertanya khabar. ayah jarang sekali berjumpa. last tahun 2022. mak pun sama”

(Informan 2)

“Pada mulanya, saya lebih memilih untuk terus berada dalam tekanan dan kesedihan kerana tidak mahu melupakan apa yang telah dialami. Tidak lama, saya sedar bahawa hidup perlu diteruskan dan berhenti hidup dalam masa lalu.”

(Informan 3)

Dalam hubungan ini, pengamalan strategi mengelak dapat mengurangkan konflik kerana pihak yang terlibat memilih untuk mengabaikan atau tidak mengambil tahu masalah yang sedang berlaku. Namun begitu, adalah penting untuk kembali kepada masalah itu dan mencari penyelesaian yang betul sekiranya mahasiswa berada di dalam emosi yang lebih stabil dan berkebolehan. Berunding dengan pihak profesional yang boleh membantu mahasiswa mengenal pasti dan menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan.

Meluangkan masa

Berdasarkan temubual bersama informan, meluangkan masa merupakan salah satu strategi penting dalam penyelesaian masalah. Dengan memperuntukkan masa yang dengan benda yang diminati boleh menumpukan usaha untuk menangani masalah dengan cara yang berkesan. Beberapa langkah yang diambil oleh informan untuk meluangkan masa di terangkan melalui temu bual.

“Saya selalu berjumpa dgn adik beradik yg lain.”

(Informan 2)

“Penyelesaian yang saya lakukan, saya lebih banyak meluangkan masa bersama rakan apabila saya sudah bersedia. Saya lebih banyak mengisi masa lapang saya dengan hobi saya iaitu bermain bola dan menunggang motosikal.”

(Informan 3)

“Penyelesaian yang saya lakukan, saya lebih banyak meluangkan masa bersama rakan apabila saya sudah bersedia. Saya lebih banyak mengisi masa lapang saya dengan hobi saya iaitu bermain bola dan menunggang motosikal.”

(Informan 3)

“Bercerita dengan kakak saya. Dia la yang selalu encourage saya untuk fikirkan apa yang terbaik untuk diri sendiri. Dia la social support terkuat saya.”

(Informan 5)

Informan 2 menyatakan beliau meluangkan lebih banyak masa bersama adik-beradik memandangkan hubungan informan bersama adik beradiknya masih dalam keadaan yang baik berbanding hubungan informan bersama ibu bapanya. Manakala informan 3 meluangkan masa bersama rakan dan hobi beliau seperti bermain bola sepak dan menunggang motosikal bersama rakan-rakan. Meluangkan masa membolehkan mahasiswa untuk memberi perhatian yang mencukupi dan mendalam kepada usaha menangani masalah. Ini membolehkan untuk mahasiswa memahami punca masalah, membangunkan strategi yang betul dan meningkatkan peluang penyelesaian masalah yang berjaya. Informan 5 pula menyatakan bahawa beliau sentiasa berkongsi cerita dengan kakaknya memandangkan kakak beliau sering memberikan galakan yang baik untuknya.

Mengetahui Punca/Faktor

Menurut informan 3, semasa proses ini adalah penting untuk kekal objektif dan terbuka kepada kemungkinan. Sesetengah masalah mungkin mempunyai punca tunggal manakala yang lain mungkin rumit dan melibatkan banyak faktor yang saling berkaitan. Dengan pemahaman yang baik tentang punca atau faktor yang menyebabkan masalah membolehkan mahasiswa untuk membentuk strategi penyelesaian yang lebih berkesan.

“Strategi yang saya lakukan dalam menangani penderaan emosi yang dialami ialah saya lebih banyak memikirkan punca/sebab berlakunya penderaan tersebut terhadap diri.”

(Informan 3)

Mengalihkan Perhatian

Berdasarkan temubual bersama informan menyatakan bahawa mengalihkan perhatian ialah strategi yang

digunakan untuk mengalihkan fokus minda daripada masalah yang dihadapi kepada perkara lain yang lebih positif atau menarik. Beberapa cara untuk mengalihkan perhatian dikongsikan oleh informan.

“Saya lebih banyak pergi ke tempat yang mampu menenangkan dan mampu mengalihkan perhatian saya daripada memikirkan terus tentang masalah yang mendera emosi saya.”

(Informan 3)

“Selain itu, saya lebih menyukai untuk meneroka keindahan alam kerana ianya merupakan terapi bagi masalah emosi.”

(Informan 4)

“Saya sedar, untuk atasi kesan penderaan emosi yang dulu ni saya rasa saya perlukan kawan kawan. Bila ada kawan kawan, saya jadi tak sunyi.”

(Informan 5)

Sehubungan dengan itu, meneroka keindahan alam semula jadi adalah cara terbaik untuk mengalihkan perhatian daripada masalah dan menikmati masa yang santai. Meneroka keindahan alam semula jadi juga boleh memberikan ketenangan di dalam jiwa, kelonggaran dan hubungan dengan dunia di luar masalah yang dihadapi. Menikmati keindahan alam dapat menyegarkan minda dan juga jiwa mahasiswa. Mencari kawan juga adalah langkah yang baik untuk menghindari daripada merasa kesepian

Sokongan dan Bimbingan

Kemudian, ketiga-tiga informan turut ada menjelaskan bahawa kebergantungan mereka terhadap ahli sokongan mereka banyak membantu dalam melalui proses untuk menyelesaikan masalah penderaan emosi yang dihadapi. Mereka memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu mereka mencapai penyelesaian yang lebih efisien. Mendapat sokongan dan bimbingan daripada orang yang betul akan membantu mahasiswa untuk melihat masalah daripada pelbagai sudut pandangan.

“Individu yang sering memberi sokongan kepada saya ialah Ahli keluarga saya dan rakan rakan terapat dengan saya. Mereka banyak memberi semangat dan kata-kata penguat utk saya teruskan hidup.”

(Informan 3)

“Seperti yang saya katakan tadi, rakan-rakan saya menjadi individu dan tonggak kepada saya

dalam apa jua perkara dalam membantu saya jika berada di dalam kesulitan. Selain itu, adik-beradik juga tidak dilupakan kerana mereka ini lebih mengenali diri saya dan sememangnya akan “hulurkan tangan” jika ada apa-apa yang diperlukan oleh diri saya.”

(Informan 4)

“Kawan-kawanlah yang sentiasa dan setia memberi sokongan yang tidak putus-putus terhadap saya dan menasihati saya supaya terus sabar dalam menghadapi ujian yang menimpa.”

(Informan 6)

Hasil kajian ini, pengkaji menyimpulkan jelas diakui bahawa terdapat pelbagai strategi digunakan oleh mahasiswa dalam menangani masalah yang dialami iaitu menjauh dan tidak memikirkan tentang masalah yang dihadapi. Selain itu, mengelak dan meluahkan masa seperti yang dinyatakan oleh informan. Bukan itu sahaja, mengetahui punca atau faktor, mengalihkan perhatian dan sokongan dan bimbingan yang menjadi strategi penyelesaian masalah untuk atasi penderaan yang menjadi titik hitam dalam hidup mereka iaitu penderaan emosi.

Strategi Daya Tahan Menangani Penderaan Emosi

Meningkatkan daya tahan fizikal dan mental boleh memberikan manfaat yang ketara dalam banyak aspek kehidupan, termasuk meningkatkan prestasi badan, meningkatkan kesihatan umum, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan risiko kecederaan atau keletihan yang berlebihan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama informan, kesemua informan mempunyai fahaman yang baik mengenai daya tahan dan mempunyai keupayaan untuk mengatasi penderaan emosi atau mental, cabaran dan kesukaran dalam kehidupan seharian. Selain itu, pengkaji juga mendapati informan dapat mengimbangkan emosi dan mempunyai ketahanan mental yang tinggi dalam menghadapi kesukaran.

Informan 1 menyatakan bahawa mengikuti program berkaitan agama dapat membantu mahasiswa mendapat pendedahan tentang bagaimana untuk mengatasi isu penderaan emosi dengan berpandukan agama. Agama sering digunakan sebagai asas pembangunan sahsiah dan nilai moral. Program pendidikan karakter berasaskan agama boleh melibatkan aktiviti yang mengajar nilai-nilai seperti berperikemanusiaan, belas kasihan, keteguhan hati, dan toleransi berdasarkan prinsip agama.

Individu yang didera secara emosi oleh ibu bapa

atau sesiapa pun semasa kecil biasanya menghadapi trauma hingga ke dewasa, tetapi mangsa boleh menjalani kaunseling atau psikoterapi untuk berusaha pulih. Menurut Mansur & Nordinar (2010) kaunseling merupakan satu rawatan berbentuk intervensi psikologi yang diberikan kepada remaja mahupun mana-mana individu yang memerlukan sokongan dan dorongan. Informan 2 menyatakan menjalani sesi kaunseling sedikit sebanyak dapat membantu informan untuk mengurangkan rasa bebanan yang dirasakan oleh mangsa penderaan emosi. Pengalaman menghadiri sesi kaunseling dikongsikan oleh informan 2.

Informan 3 berpendapat bahawa program jenis ini boleh membantu individu mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus tekanan dalam kehidupan mereka. Ini termasuk seperti teknik pernafasan dalam, meditasi dan visualisasi yang membantu mengurangkan ketegangan fizikal dan mental. Namun begitu, Setiap individu mungkin bertindak balas dengan cara yang berbeza untuk program yang berbeza. Adalah penting untuk mencari program yang sesuai dengan keperluan dan pilihan peribadi mereka

Menurut informan 4, program kesihatan mental dan fizikal bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan secara holistik, termasuk kesihatan mental dan fizikal individu. Terdapat pelbagai ilmu yang boleh dikongsikan melalui program ini iaitu kecergasan fizikal, pemakanan yang seimbang, pengurusan tekanan, keseimbangan kehidupan, kesedaran dan kesejahteraan diri, kesihatan mental dan lain-lain (Singh & Choudhri 2014).

Program pembangunan jati diri bertujuan untuk membantu individu dalam membangunkan pemahaman yang lebih mendalam tentang diri mereka, meningkatkan keyakinan diri dan membina kemahiran serta perwatakan yang kuat. Informan 5 menyatakan bahawa beliau lebih memilih untuk mendengar kata-kata semangat dari diri sendiri berbanding melakukan aktiviti fizikal yang menguatkan mentalnya. Selain itu, program bentuk ini juga dapat membina keyakinan informan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri dan membangunkan minda yang positif.

KESIMPULAN

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan bersama informan, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa penderaan emosi mempunyai hubung kait yang rapat dan boleh berlaku disebabkan kesan daripada jenis penderaan-penderaan lain. Kesan daripada penderaan emosi yang berlaku akan memberikan kesan jangka panjang kepada mahasiswa. Keadaan penderaan boleh

menyebabkan individu terbabit mengalami perubahan tingkah laku seperti bersikap anti sosial, kemurungan dan lebih teruk terlibat dengan gejala sosial. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak berkepentingan dalam memastikan mahasiswa di Malaysia dilindungi daripada penderaan emosi dan segala bentuk penderaan dan memilih untuk menjadi seorang insan yang dapat memberi harapan kepada bangsa dan negara. Oleh itu, kajian yang telah dilaksanakan untuk membantu pihak kerajaan dan pihak berkepentingan dalam mengenal pasti punca kepada penderaan emosi dalam kalangan mahasiswa. Isu ini penting kerana pengkaji percaya bahawa sekiranya penderaan yang berlaku di abad ini tidak dikawal dengan segera maka ianya boleh memberi kesan kepada kecemerlangan modal insan negara di masa depan.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan semua informan yang telah menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Alavi, K., Amin, A. S., Subhi, N., Mohamad, M. S., & Sarnon, N. (2012). Kerja sosial di sekolah: memahami dan menangani penderaan kanak-kanak. *e-BANGI*, 7(1), 21.
- Ahmad, N., Hakimi, A. & Law, C. (2021). *Analisis berkaitan penderaan emosi terhadap kanak-kanak dari sudut perundangan. Kertas persidangan Tuanku Ja'afar Conference and Workshop 2021* (TJC 2021). Access to Justice: Substantive & Procedural Issues: Bangi Resort Hotel and Faculty of Law, UKM.
- Akta Kanak-Kanak 2001. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczN0RLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09>
- Arifah Yusri, & Mohd Nasir Selamat. (2022). Pengalaman Trauma semasa Zaman Kanak-kanak dan Pengaruhnya Terhadap Keyakinan Diri Remaja di Kuala Lumpur. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(March), 1–13.
- Arslan G. (2016), Psychological Maltreatment, emotional and behavioral problems in adolescents: The mediating role of resilience and self-esteem, *Journal: Child Abuse and Neglect*, Volume 52, 200-209.
- Chen, X., Chen, S., Qiu, S., Deng, X., & Tan, X. (2017).

- Association between Emotional Abuses and Mental Disorder in Women: A Web-based Internet Survey in Southern China. *Occup Med Health Aff*, 5(2), 263.
- Eaton, K., Stritzke, W. G., & Ohan, J. L. (2019). Using Scribes in Qualitative Research as an Alternative to Transcription. *The Qualitative Report*, 24(3), 586-605. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2019.3473>
- Frederico, M., Jackson, A., & Black, C. (2008). Understanding the impact of abuse and neglect on children and young people referred to a therapeutic program. *Journal of Family Studies*, 14, 342-361.
- Haider, S. K. F., & Asher, S. N. (2016). The impact of negative labeling as emotional abuse on teenagers. *PUTAJ-Humanities and Social Sciences*, 23(1), 187-193.
- Hennink, M. & Kaiser, B. (2022). Sample sizes for saturation in qualitative research: A systematic review of empirical tests. *Social Science & Medicine*, Volume 292, 114523, <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2021.114523>.
- Herrman, H., Stewart, D. E., Natalia Diaz-Granados, Berger, E. L., Jackson, B., & Tracy Yuen. (2011). What Is Resilience? *The Canadian Journal of Psychiatry*, 56(5), 258-265.
- Ibrahim, I., & Hussin, M. (2016). Tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 75-85.
- Holloway, I., & Todres, L. (2003). The status of method: flexibility, consistency and coherence. *Qualitative Research*, 3(3), 345-357.
- Ismail, Z. (2015). Faktor gangguan psikologi dalam kalangan mahasiswa universiti. *Al-Hikmah*, 7(2), 55-71.
- Irmohizam Ibrahim, & Muhamad Hussin. (2016). Tahap Daya Tahan dalam Kalangan Pelajar IPTA di Malaysia dan di Luar Negara. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19, 92–107.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2012). Apakah kesihatan mental. *Buku Kesihatan Mental Dan Fizikal*, 1–8. https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan_Mental/Kesihatan_Mental_Kesihatan_Fizikal.pdf
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1987). Transactional theory and research on emotions and coping. *Eur. J. Pers.* 1, 141–169. doi: 10.1002/per.2410010304
- Mohamad, Z., & Rathnakrishnan, B. (2014). Hubungan daya ketahanan dan sokongan sosial terhadap kesunyian pelajar dalam institusi pengajian tinggi. In *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga*.
- Mohd Zamre Mohd Zahir & Nik Ahmad Aiman Hakimi Hasmadi. (2022). Penderaan emosi terhadap kanak-kanak dari sudut perundangan. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Vol. 31:19 - 30. <https://doi.org/10.17576/juum-2022-31-02>
- Mason, A., & Singh, C. (2010). Helping students learn effective problem solving strategies by reflecting with peers. *American journal of physics*, 78(7), 748-754.
- Mansur, M. A. & Nordinar, S. M. T. 2010. Pengantar Kaunseling. (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mwita, K. (2022). Factors influencing data saturation in qualitative studies. *International Journal of Research In Business And Social Science* 11(4): 414-420.
- Nanthini Ramalingam & Alavi, K. 2021. Cabaran pekerja sosial dalam mengendalikan pengurusan kes penderaan kanak-kanak di Taska. [Social worker challenges in handling child abuse case management in kindergarten]. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*. Vol. 3 (1) (2021): 99-110.
- Osman, M. S., Abdullah, M. C., Ismail, A. A., & Roslan, S. (2015). Daya tahan dalam kalangan guru alaf 21. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1(2), 1-9.
- Othman, N. (2017). Daya tahan pelajar universiti awam dan universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 77-86.
- Patton, M. Q. (2014). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practise*. Sage publications.
- Rich, D. J., Gingerich, K. J., & Rosen, L. A. (1997). Childhood emotional abuse and associated psychopathology in college students. *Journal of College Student Psychotherapy*, 11(3), 13-28.
- Rahayu, D., & Adriansyah, M. A. (2014). Hubungan antara kemandirian dan gaya belajar dengan strategi menyelesaikan masalah pada mahasiswa ditinjau dari jenis kelamin. *Psikostudia: Jurnal Psikologi*, 3(1), 1-11
- Rosales, Julia. (2021) Childhood Maltreatment, Mental Health, and Interpersonal Conflict in Current Adult Relationships. Undergraduate Honors Theses. 49. <https://digscholarship.unco.edu/honors/49>
- Salleh, N. M., Zaim, N. H., Islamiyat, C. P. D., Islam, F. P. P., & Rashed, Z. N. (2018). Statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia: Satu analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-24.
- Singh, T. K., & Choudhri, N. (2014). Early adulthood: The role of locus of control, meaning of life and subjective wellbeing. *Journal of psychosocial*

- research*, 9(1), 131.
- Syafril, S., & Yaumas, N. E. (2018). Menyiapkan protokol interview, memilih informan dan melakukan Probing dalam penelitian kualitatif. 1–8. <https://doi.org/10.31219/osf.io/pvsh3>
- Thombs, B. D., Bennett, W., Ziegelstein, R. C., Bernstein, D. P., Scher, C. D., & Forde, D. R. (2007). Cultural sensitivity in screening adults for a history of childhood abuse: Evidence from a community sample. *Journal of General Internal Medicine*, 22(3), 368-373. doi:10.1007/s11606-006-0026-y
- Trickett, P. K., Kim, K., & Prindle, J. (2011). Variations in emotional abuse experiences among multiply maltreated young adolescents and relations with developmental outcomes. *Child Abuse and Neglect*, 35, 876-886. doi: 10.1016/j.chiabu.2011.08.001
- Theoklitou, D., Kabitsis, N., & Kabitsi, A. (2012). Physical and emotional abuse of primary school children by teachers. *Child abuse & neglect*, 36(1), 64-70.
- UNICEF. (2014). Ending violence against children: Six strategies for action. <https://www.unicef.org/media/66906/file/Ending-Violence-Against-Children-Six-strategies-For-Action.pdf>
- Vidourek, R. A. (2017). Emotional abuse: Correlates to abuse among college students. *Journal of Aggression, Maltreatment & Trauma*, 26(7), 792-803.
- Wen Huey, C., Abdul Aziz, A. A., Mohd Hoesni, S., Abd Razak, M. A., & Kamaluddin, M. R. (2021). Effects of psychosocial factors towards emotional abuse among university students who have been in romantic relationships. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(2), 107–120. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.10.2021>
- Yusri, A., & Selamat, M. N. (2022). Pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak dan pengaruhnya terhadap keyakinan diri remaja di Kuala Lumpur. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(2).
- Zaiton Mohamad dan Balan Rathakrishnan. 2014. Hubungan daya ketahanan dan sokongan sosial terhadap kesunyian pelajar dalam institusi pengajian tinggi. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga: Integriti Keluarga Tunjang Kesejahteraan Masyarakat. 11 Disember 2014, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Nurul Amira Hasni Khadijah Alavi*, Surendran Rajaratnam dan Siti Zulaikha Azlan
 Program Kerja Sosial,
 Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: khadijah@ukm.edu.my